DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL KAJI POTENSI PENGEZONAN KAMPUNG TRADISI DI SUNGAI PENCHALA

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menjalankan kajian bagi mengenal pasti kawasan yang berpotensi sebagai kampung tradisi di Sungai Penchala termasuk Kampung Palimbayan dan Kampung Bukit Lanjan, selaras dengan usaha Kerajaan MADANI memelihara identiti dan warisan perkampungan Melayu di ibu negara.

Kajian ini dilaksanakan melalui Kajian Pelan Kawalan Mikro (PKM) yang bertujuan menilai kesesuaian kawasan sebagai kampung tradisi dengan mengambil kira ciri-ciri perkampungan, pembangunan sedia ada, keupayaan infrastruktur serta kepentingan pemilik tanah dan penduduk setempat.

Dalam hubungan ini, kajian turut mengambil kira kawasan yang telah dibangunkan, pembangunan yang telah memperoleh kelulusan serta tekanan pembangunan di sepanjang jalan utama. Penilaian tersebut penting bagi memastikan cadangan pengezonan yang dikemukakan bersesuaian dengan keadaan dan keperluan setiap kawasan.

Sekiranya cadangan pengezonan kampung tradisi diteruskan, pembangunan di kawasan terlibat akan tertakluk kepada kawalan perancangan yang bersesuaian, termasuk aspek ketinggian bangunan, kepadatan

pembangunan serta reka bentuk yang mengambil kira identiti seni bina Melayu.

Kampung Sungai Penchala terletak dalam kawasan Rizab Melayu Sungai Penchala yang berkeluasan 303.71 hektar. Walau bagaimanapun, Kajian PKM akan mengenalpasti lot-lot berpotensi untuk dicadangkan sebagai zon kampung tradisi.

Keluasan dan sempadan sebenar kawasan yang berpotensi untuk dicadangkan sebagai kampung tradisi hanya akan dikenal pasti selepas kajian terperinci dan proses penilaian yang berkaitan selesai dilaksanakan.

DBKL menegaskan bahawa cadangan ini bukan bertujuan menyekat pembangunan, sebaliknya memastikan perancangan kawasan dilaksanakan secara seimbang antara pemeliharaan identiti perkampungan dengan keperluan pembangunan semasa.

Namun begitu, pandangan dan persetujuan pemilik tanah akan menjadi pertimbangan utama dalam kajian ini. DBKL juga akan mengambil kira kepentingan pemilik tanah yang tidak bersetuju dengan cadangan pengezonan, termasuk sebarang cadangan pembangunan tanah masing-masing, tertakluk kepada dasar perancangan, kesesuaian tapak serta keperluan teknikal yang berkuat kuasa.

Setakat ini, tiada sebarang keputusan muktamad dibuat berhubung perubahan pengezonan kawasan berkenaan.

Sebarang cadangan perubahan zon guna tanah perlu melalui proses Perubahan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) mengikut

peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267], termasuk proses publisiti, pameran awam dan pertimbangan pandangan atau bantahan pihak berkepentingan.

Proses pameran awam dijangka dilaksanakan pada Mei 2027 manakala pewartaan perubahan pelan tempatan disasarkan pada Februari 2028, tertakluk kepada penyempurnaan proses dan kelulusan yang ditetapkan.

DBKL komited untuk memastikan sebarang cadangan perancangan bagi Kampung Sungai Penchala dibuat secara menyeluruh dan teratur dengan mengambil kira kepentingan pemilik tanah, penduduk setempat serta usaha mengekalkan identiti perkampungan Melayu dalam pembangunan Kuala Lumpur.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
12 November 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my